



SIRI 4/2020 | 20 REJAB 1441H

**MESYUARAT KHAS JAWATANKUASA MUZAKARAH MAJLIS KEBANGSAAN  
BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA (MKI) DAN TAKLIMAT KHAS  
KEPADA PIMPINAN JEMAAH TABLIGH MALAYSIA MENGENAI ISU COVID-19**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) bertempat di Pulse Grande Hotel, Putrajaya ini diadakan bagi menjunjung titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, untuk membincangkan beberapa pandangan hukum berikutan penularan wabak COVID-19.
2. Ia dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh, Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah MKI dan dihadiri oleh semua mufti negeri atau wakilnya, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri dan wakil Majlis Agama Islam Negeri. Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd. Abd. Rahman, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang menyampaikan taklimat terakhir dan terkini berkenaan COVID-19.
3. Ahli muzakarah juga telah meneliti pembentangan kajian pandangan hukum oleh Dr. Aizam bin Mas'od, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa al-Zuhaili (ACE), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Keputusan pandangan hukum tersebut akan dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Duli-Duli Tuanku Sultan dan Raja negeri-negeri bagi mendapat perkenan untuk tindakan selanjutnya.
4. Terdahulu, di tempat yang sama, pihak JAKIM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan perbincangan bersama pimpinan jemaah tabligh Malaysia yang berlangsung secara sidang video. Ia dikendalikan oleh YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
5. Saya mengucapkan sekalung penghargaan atas kerjasama penuh dan komitmen jemaah tabligh Malaysia dalam menangani penularan wabak COVID-19. Umat Islam di Malaysia diingatkan supaya mematuhi semua makluman daripada KKM, Jabatan Mufti dan Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing yang disampaikan dari semasa ke semasa.

Sekian.

**SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI**  
**15 MAC 2020**